

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_no@bh.com.my

Batu Pahat

Institut Sains dan Teknologi Darul Takzim (INSTEDT) membolot anugerah utama, Anugerah Permata dan Anugerah Emas Pertama dalam Kongres Anugerah Duta Jauhar 2.0 yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), baru-baru ini.

Kemenangan itu sekali-gus membolehkan pasukan yang terdiri daripada 15 mahasiswa Diploma Kejururawatan itu membawa pulang hadiah berupa paket pelancongan ke Krabi, Thailand, wang tunai RM4,000, piala iringan serta sijil.

Pada sesi penganjuran edisi kedua Anugerah Kongres Duta Jauhar itu, INSTEDT turut menggondol empat lagi anugerah iaitu Anugerah Persembahan Terbaik, Penyelia Terbaik, Kerjasama Terbaik dan Transformasi Kesihatan Terbaik.

INSTEDT cemerlang dengan projek komuniti mereka, 'Knowledge For

'Wellness' yang dianggap juri sebagai luar biasa kerana kejayaan mereka melatih ahli pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat yang berusia antara 30-an hingga 70-an memberi rawatan kesihatan mudah terhadap golo-ngan pesakit terlantar serta warga tua.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pula diumumkan sebagai pemenang kedua dengan menggondol Anugerah Emas Kedua dengan membawa pulang hadiah berupa paket pelancongan ke Krabi, Thailand, wang tunai RM5,000, piala iringan serta sijil.

Latih masyarakat

UniSZA yang diwakili 15 pelajaranya mempertaruhkan projek komuniti Transformasi Anak Mersing dengan membantu serta melatih 200 masyarakat di Mersing termasuk belia, suri rumah serta usahawan kecil dengan ilmu perniagaan termasuk perakaunan serta penjenamaan produk bagi memperkasakan perniagaan mereka.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, ketika merasmikan Kongres Anugerah Duta Jauhar 2.0 itu

INSTEDT bolot Anugerah Permata, Emas Pertama



Kumpulan INSTEDT meraikan kemenangan sebagai pemenang Anugerah Permata dan Anugerah Emas Pertama dalam Kongres Anugerah Duta Jauhar 2.0.

memuji kesungguhan keseimbangan 330 Duta Jauhar daripada 15 universiti awam (UA) serta kolej swasta yang membabitkan diri dalam pelbagai projek komuniti bagi meningkatkan kedudukan sosio ekonomi

masyarakat Johor.

"Saya dimaklumkan untuk tahun kedua penganjuran program ini terdapat kumpulan yang meraih pencapaian luar biasa dalam projek komuniti yang mereka laksanakan.

"Saya harap usaha ini tidak akan berakhir selepas tamat projek serta pengajian anda. Anda boleh terus berbakti kepada masyarakat dengan meneruskan projek komuniti yang dilaksanakan," katanya.

Kebajikan kesihatan

Yang turut hadir ialah, Naib Canselor UTHM, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin; Exco Pendidikan, Penerangan, Koperasi dan Pembangunan Usahawan Johor, Md Jais Sarday dan Pengurus Besar YPJ, On Jabbar.

"Kami membuat keputusan bagi memfokuskan aspek kebajikan kesihatan dalam komuniti dengan merangka satu projek khas berkaitan pendidikan rawatan awal kepada badan NGO dan masyarakat setempat di kawasan Parlimen Johor Bahru.

"Pendedahan berkaitan ilmu kesihatan dan rawatan awal itu kemudian dilatih kepada badan NGO termasuk Ihsan Penyayang dan masyarakat setempat sebelum mereka mempraktikkan ilmu itu dengan merawat pesakit kronik, warga tua dan orang kurang upaya (OKU) di kawasan sasaran dengan pemantauan 15 ahli kumpulan kami," katanya.

Bagi Ketua serta Timbalan Ketua Projek UniSZA,

Raja Mamat Raja Ibrahim, 24, dan Siti Shahirah Mohd Sahpri, 23, mereka turut teruja apabila projek komuniti dalam bidang keusahawanan bagi memperkasakan usahawan belia serta wanita khususnya suri rumah berjaya mentransformasi masyarakat di Mersing.

"Kami memilih Mersing untuk projek komuniti UniSZA kerana daerah ini belum dikunjungi manapun Duta Jauhar kerana lokasi yang agak jauh. Namun pemilihan daerah ini tidak sia-sia disebabkan golongan sasaran bukan sanga responsif malah mengalu-alukan pelbagai input dan ilmu baharu dalam bidang keusahawanan yang kami bawakan," katanya.



Mohamed Khaled (tengah) menyempurnakan gimik pelancaran Kongres Anugerah Duta Jauhar 2.0, sambil diperhatikan Md Jais (kanan) dan On.